

31 JAN 1999

DR MAHATHIR BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR

DAVOS, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas melakukan lawatan kerja empat hari di sini untuk menghadiri mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia.

Beliau menaiki keretapi dari stesen Davos-Dorf yang terletak bertentangan dengan hotel penginapannya untuk ke Stesen Landquart. Dari situ, Perdana Menteri menaiki bas untuk ke lapangan terbang Zurich.

Duta Malaysia ke Switzerland Hamidon Ali berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana pandangan Malaysia mengenai pengawalan selektif tukaran asing dan perlunya ada sistem kewangan global yang lebih baik kini lebih dihargai oleh mereka yang beliau temui di sini.

Dr Mahathir dijangka tiba di KLIA di Sepang pada pukul 8 pagi esok.

-- BERNAMA

SHY AKD